Sumbangan subsektor ternakan kepada sektor Pertanian Malaysia pada harga malar juga merupakan yang kedua tertinggi selepas tanaman dengan sumbangan sebanyak 16.8 peratus kepada KDNK pertanian pada tahun 2023. Subsektor ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui pengeluaran ternakan dan hasilan ternakan.

**Jadual 2: Keluaran Dalam Negeri Kasar Sektor Pertanian pada Harga Malar, Malaysia, 2021 - 2023**

Jenis aktiviti Ekonomi Sektor Pertanian	Tahun (RM Juta)		
	2021	2022	2023
Getah	2,230	1,790	1,672
Kelapa sawit	34,789	36,120	36,203
Ternakan	16,495	16,639	16,884
Pertanian lain	28,838	28,790	29,335
Perhutanan dan pembalakan	5,241	5,271	4,813
Perikanan	11,250	11,555	11,486
<b>Jumlah Pertanian</b>	<b>98,843</b>	<b>100,164</b>	<b>100,393</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Carta 3: Peratus Sumbangan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Negeri Johor adalah penyumbang terbesar bagi subsektor ternakan dengan sumbangan 26.1 peratus (RM4,364 juta) diikuti oleh Perak 16.9 peratus (RM2,825 juta), Melaka 11.0 peratus (RM1,841 juta), Kedah 10.5 peratus (RM1,758 juta) dan Selangor 7.4 peratus (RM1,232 juta). Lima negeri ini secara kumulatif telah menyumbang 71.9 peratus kepada KDNK subsektor ternakan di Malaysia.

**Carta 4: Peratus Sumbangan KDNK Subsektor Ternakan, Mengikut Negeri pada Harga Malar, 2023\***



Nota: \* merujuk kepada data awalan. Semakan semula statistik KDNK negeri bagi tahun 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai.


Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah dagangan pada tahun 2023 bagi industri ternakan meningkat sebanyak 23.2%, mencapai RM1.4 bilion. Peningkatan dalam pengeluaran ternakan dapat mengurangkan kebergantungan kepada import daging dan produk ternakan, serta

membantu mengurangkan defisit perdagangan. Subsektor ini menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan negara, terutamanya dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim dan gangguan rantai bekalan. Penggunaan teknologi moden dalam penternakan, seperti sistem pemakanan dan kawalan penyakit telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam subsektor ternakan di Malaysia.

Nilai eksport dan import bagi ternakan hidup untuk dimakan pada tahun 2023 masing-masing berjumlah RM1,094.55 juta dan RM244.24 juta. Walau bagaimanapun, kebergantungan kepada import hasilan ternakan masih tinggi dengan jumlah import daging lembu/kerbau, kambing/bebiri, ayam/itik dan babi berjumlah RM7,061.28 juta berbanding nilai yang dieksport RM1,066.25. Malaysia masih bergantung kepada pengimportan hasil tenusu dalam mencukupkan keperluan susu segar negara denganimbangan perdagangan kekal mencatatkan nilai import bersih. Namun, telur ayam/itik mencatatkan lebihan dagangan yang besar begitu juga dengan produk sarang burung.

**Carta 5: Eksport dan Import Ternakan dan Hasilan Ternakan, Malaysia, 2023**



Sumber : Perangkaan Ternakan 2023/2024  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar


### 3.0 PENEMUAN UTAMA SUBSEKTOR TERNAKAN

#### 3.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian pada tahun 2023 yang direkodkan bagi subsektor ternakan adalah 46,781. Daripada jumlah ini, hanya 2,965 (6.3%) adalah pegangan pertanian pertubuhan manakala baki 43,816 (93.7%) adalah pegangan pertanian individu.

Tiga negeri yang merekodkan pegangan pertanian ternakan teratas adalah Terengganu, Kelantan dan Pahang, masing-masing 12,018, 9,066 dan 5,195 pegangan pertanian. Tiga negeri ini menyumbang 56.2 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian bagi subsektor ternakan.

**Paparan 1: Bilangan dan Peratus Pegangan Pertanian Ternakan Mengikut Negeri,  
Malaysia, 2023**



Aktiviti penternakan lembu merekodkan penglibatan pegangan pertanian tertinggi iaitu 21,439. Ini diikuti oleh aktiviti penternakan kambing (11,451), penternakan ayam (7,309) dan selebihnya terlibat dalam lain-lain aktiviti penternakan.

### Paparan 2: Bilangan Pegangan Pertanian mengikut Ternakan Utama, Malaysia, 2023



#### 3.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Banci Pertanian 2024 merekodkan seramai 43,816 orang adalah pegangan pertanian individu yang menjalankan aktiviti ternakan pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu subsektor ternakan ini mewakili 93.7 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian bagi subsektor ternakan.

Pengusaha ternakan tertinggi direkodkan oleh Negeri Terengganu iaitu seramai 11,818 orang (27.0%) diikuti oleh Kelantan (9,010 orang), Pahang (4,932 orang) dan Kedah (3,615 orang). Empat negeri ini menyumbang 67.0 peratus kepada pegangan pertanian individu.

##### a. Kewarganegaraan


Pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan terdiri daripada 99.9 peratus warganegara dan 0.1 peratus bukan warganegara. Penglibatan warganegara yang tertinggi dicatatkan oleh Terengganu seramai 11,817 orang (27.0%). Ini dikuti oleh Kelantan seramai 9,009 orang (20.6%) dan Pahang, 4,932 orang (11.3%). Manakala penglibatan pemegang pertanian individu bukan warganegara didominasi oleh Sabah iaitu seramai 20 orang (76.9%) daripada keseluruhan bukan warganegara yang terlibat dalam ternakan.

### b. Etnik

Etnik Bumiputera mendominasi penglibatan dalam subsektor ternakan iaitu seramai 41,051 orang (93.7%) diikuti oleh India (3.2%), Cina (2.3%) dan lain-lain (0.8%).

Negeri-negeri yang merekodkan penglibatan Bumiputera dibawah 80 peratus adalah Perak (74.7%), Selangor (74.6%) dan W.P. Labuan (76.8%). Penglibatan tertinggi etnik Cina dalam aktiviti ternakan adalah di W.P. Labuan (14.3%) diikuti oleh Sarawak (9.3%), Selangor (7.4%) dan Pulau Pinang (5.5%). Manakala bagi etnik India, penglibatan tertinggi adalah di Negeri Perak (22.1%) diikuti oleh Selangor (17.6%), Negeri Sembilan (10.9%) dan Pulau Pinang (9.8%).

### Paparan 3: Bilangan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Etnik, Malaysia, 2023




Nota: Warganegara sahaja

### c. Jantina

Pengusaha lelaki mendominasi penglibatan dalam subsektor ini dengan penglibatan 89.6 peratus (39,269 orang) berbanding pengusaha perempuan (4,547 orang). Corak penglibatan mengikut jantina ini adalah hampir sama bagi semua negeri yang mencatatkan penglibatan lelaki melebihi 80.0 peratus. Penglibatan pengusaha lelaki tertinggi adalah di Negeri Terengganu (10,484 orang) diikuti oleh Kelantan (7,767 orang) dan Pahang (4,504 orang). Trend yang sama juga direkodkan bagi penglibatan pengusaha ternakan perempuan iaitu Negeri Terengganu (1,334 orang) diikuti oleh Kelantan (1,243 orang) dan Pahang (428 orang). Walau bagaimanapun tiada pengusaha ternakan perempuan di W.P. Putrajaya.

#### **Paparan 4: Bilangan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina, Malaysia, 2023**




#### **d. Kumpulan Umur**

Analisis bagi kumpulan umur pegangan pertanian menunjukkan penglibatan tertinggi adalah dalam kumpulan umur 60 tahun ke atas iaitu seramai 15,573 orang (35.5%), diikuti oleh Kumpulan umur 46 - 59 tahun dengan peratusan penglibatan 33.9 peratus. Dua kumpulan umur ini menyumbang kepada 69.4 peratus pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti ternakan. Penglibatan pengusaha yang berumur 45 tahun dan ke bawah adalah seramai 13,412 orang (30.6%) yang mana dari kumpulan umur ini 5.5 peratus berumur antara 15 - 30 tahun.

Terengganu, Kelantan dan Pahang merupakan tiga negeri teratas bagi penglibatan pengusaha dalam kumpulan umur 60 tahun dan keatas, masing-masing seramai 3,889 orang, 3,822 orang dan 1,668 orang. Tiga negeri ini menyumbang 60.2 peratus penglibatan dalam ternakan bagi kumpulan umur ini.


#### **Paparan 5: Bilangan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023**



#### e. Taraf Perkahwinan

Penglibatan pengusaha ternakan pada tahun 2023 juga didominasi oleh mereka yang status perkahwinan berkahwin iaitu sebanyak 77.0 peratus berbanding mereka yang tidak pernah berkahwin (10.9%) dan balu/duda/ bercerai/ berpisah (12.1%). Penglibatan pengusaha yang masih dalam kategori tidak pernah berkahwin adalah tertinggi di Terengganu diikuti oleh Kelantan dan Pahang.


#### Paparan 6: Bilangan dan Peratus Pegangan Pertanian Individu Mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



#### f. Sijil Tertinggi Diperoleh

Penemuan Banci Pertanian 2024 menunjukkan terdapat 3,494 orang (8.0%) pengusaha ternakan mempunyai kelulusan di peringkat tertiari. Manakala seramai 24,881 orang (56.8%) mempunyai kelulusan peringkat menengah dan 9,260 orang (21.1%) diperingkat rendah. Pengusaha yang tiada sijil pula adalah sebanyak 6,181 orang (14.1%).

#### Paparan 7: Bilangan dan Peratus Pegangan Pertanian Individu Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



### **3.1.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan**

Pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dalam subsektor ternakan adalah 2,965 pertubuhan pada tahun 2023. Pegangan pertanian pertubuhan subsektor ternakan ini mewakili 6.3 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian bagi subsektor ternakan.

Pengusaha ternakan teratas direkodkan oleh Negeri Johor iaitu 510 pegangan pertanian pertubuhan (17.2%) diikuti oleh Perak (12.0%), Selangor (10.7%) dan Negeri Sembilan (9.7%). Empat negeri ini menyumbang 49.6 peratus kepada pegangan pertanian pertubuhan.

## **3.2 Prestasi Keseluruhan Subsektor Ternakan**


### **3.2.1 Kuantiti Pengeluaran**

Secara keseluruhannya, jumlah kuantiti pengeluaran ternakan pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,520.8 juta ekor dengan penternakan ayam mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (968.6 juta ekor) atau 63.7 peratus. Penternakan itik dan babi mencatatkan pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi dengan masing-masing mengeluarkan 34.3 juta ekor dan 1.8 juta ekor. Negeri Sembilan mencatatkan nilai pengeluaran keseluruhan ternakan tertinggi pada tahun 2023 sebanyak 332.3 juta ekor atau menyumbang 21.9 peratus kepada pengeluaran ternakan Malaysia. Ini diikuti oleh Johor (298.0 juta ekor) dan Perak (204.2 juta ekor). Tiga negeri ini menyumbang 54.9 peratus pengeluaran ternakan.

Kuantiti pengeluaran dari hasilan ternakan yang direkodkan dalam Banci Pertanian 2024 adalah 14,746.9 juta biji telur ayam/itik dan 47.5 juta liter susu segar. Pengeluaran telur ayam/itik teratas direkodkan oleh Selangor sebanyak 3,623.4 juta biji diikuti oleh Melaka, 3,156.2 juta biji dan Johor, 2,961.5 juta biji. Pengeluaran bagi tiga negeri ini menyumbang 66.1 peratus kepada pengeluaran telur ayam/itik negara.

Manakala pengeluaran tertinggi susu segar dihasilkan oleh Pahang sebanyak 9.0 juta liter diikuti oleh Sabah, 8.9 juta liter dan Johor, 8.0 juta liter. Tiga negeri ini menyumbang 54.5 peratus kepada pengeluaran susu segar keseluruhan.

## Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran dan Hasilan Ternakan Mengikut Ternakan Utama, Malaysia, 2023



### 3.2.2 Kuantiti Jualan

Daripada 1,520.8 juta ekor pengeluaran ternakan, 1,414.1 juta ekor (93.0%) dijual dengan kuantiti jualan ternakan utama iaitu ayam mencatatkan 882.6 juta ekor, diikuti oleh itik (32.5 juta ekor), babi (1.6 juta ekor), lembu (0.2 juta ekor), kambing (0.2 juta ekor), bebiri (0.03 juta ekor) dan kerbau (0.01 juta ekor).

Telur ayam/itik dan susu segar merupakan komponen terbesar hasilan ternakan dengan kuantiti jualan masing-masing sebanyak 13,938.2 juta biji dan 46.5 juta liter telah dijual pada tahun 2023.

### 3.2.3 Nilai Jualan

Jualan ternakan dan hasilan ternakan yang direkodkan pada tahun 2023 adalah RM 24,831.9 juta atau RM24.8 bilion. Jualan ternakan hidup yang merupakan komponen utama subsektor ternakan menyumbang 74.3 peratus kepada nilai jualan subsektor ini dan selebihnya 25.7 peratus adalah dari jualan hasilan ternakan.

Nilai jualan ternakan hidup teratas dicatatkan oleh ternakan ayam (RM12,197.3 juta) dengan sumbangan 49.2 peratus daripada keseluruhan nilai jualan subsektor ternakan, diikuti oleh ternakan babi dengan nilai RM2,075.9 juta (8.4%) dan lembu dengan nilai RM1,316.9 juta (5.3%). Tiga ternakan ini menyumbang 62.8 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan.

Penjualan telur ayam/itik pada tahun 2023 mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5,615.47 juta manakala susu segar sebanyak RM210.85 juta. Dua hasilan utama ternakan ini menyumbang 91.2 peratus kepada hasilan ternakan dan 23.5 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan.

Negeri yang mencatatkan nilai jualan tertinggi ternakan adalah Perak dengan nilai jualan RM3,749.43 juta diikuti oleh Johor (RM3,683.24 juta) dan Negeri Sembilan (RM2,337.69 juta). Negeri-negeri ini menyumbang 53.0 peratus kepada nilai jualan keseluruhan ternakan.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong




KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# TERNAKAN LEMBU/KERBAU PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023



JUMLAH













INDIVIDU



PERTUBUHAN

## BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT NEGERI



Individu  
Pertubuhan

Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 Oktober

2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


# TERNAKAN LEMBU/KERBAU PARAMETER UTAMA, MALAYSIA, 2023



## PENGELUARAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

   	55.5 ribu ekor 46.9 ribu ekor RM265.60 juta	   	16.4 ribu ekor 14.3 ribu ekor RM70.50 juta	   	12.3 ribu ekor 10.2 ribu ekor RM55.46 juta
   	17.8 ribu ekor 15.1 ribu ekor RM76.23 juta	   	24.8 ribu ekor 19.6 ribu ekor RM96.68 juta	   	3.1 ribu ekor 2.3 ribu ekor RM14.62 juta
   	17.1 ribu ekor 14.1 ribu ekor RM70.45 juta	   	2.6 ribu ekor 2.3 ribu ekor RM11.84 juta	   	-
   	15.6 ribu ekor 13.4 ribu ekor RM104.06 juta	   	49.2 ribu ekor 35.7 ribu ekor RM186.46 juta	   	25 ekor 25 ekor RM206.38 ribu
   	13.9 ribu ekor 11.8 ribu ekor RM60.27 juta	   	42.4 ribu ekor 37.3 ribu ekor RM193.17 juta	   	-
   	42.9 ribu ekor 36.9 ribu ekor RM172.55 juta				

**Kuantiti Pengeluaran**  
**Kuantiti Jualan**  
**Nilai Jualan**



Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 Oktober


2016 - 2030

## 4.0 PRESTASI KESELURUHAN AKTIVITI TERNAKAN LEMBU/KERBAU

### 4.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian bagi aktiviti ternakan lembu/kerbau pada tahun 2023 adalah 23,207. Tiga negeri yang merekodkan pegangan pertanian bagi aktiviti ternakan lembu/kerbau teratas adalah Terengganu dengan 6,981 pegangan pertanian, diikuti Kelantan (4,840 pegangan pertanian) dan Pahang (3,438 pegangan pertanian). Negeri-negeri ini menyumbang 65.7 peratus kepada keseluruhan negara bagi pegangan pertanian aktiviti ini.

**Carta 6: Bilangan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Lembu/Kerbau, Malaysia, 2023**



**Carta 7: Peratusan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Lembu/Kerbau, Malaysia, 2023**



Nota: Hasil tambah pegangan pertanian di negeri dengan pegangan pertanian ternakan lembu/kerbau tidak sama disebabkan pegangan pertanian boleh mengusahakan lebih aktiviti dan di negeri yang berbeza

#### 4.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Seramai 22,443 orang mengusahakan ternakan lembu/kerbau tahun 2023. Penglibatan tertinggi individu dalam kedua-dua ternakan ini adalah di Terengganu iaitu 6,935 orang, diikuti oleh Kelantan (4,825 orang) dan Pahang (3,348 orang). Jumlah penglibatan individu di tiga negeri ini dalam penternakan lembu/kerbau adalah 67.3 peratus.

#### 4.1.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan

Pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti ternakan lembu/kerbau adalah 764 pertubuhan. Negeri Johor mempunyai bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi bagi aktiviti ternakan lembu/kerbau iaitu sebanyak 147 diikuti Selangor (135 pertubuhan) dan Pahang (90 pertubuhan). Negeri-negeri ini menyumbang 48.2 peratus kepada pegangan pertanian pertubuhan aktiviti ternakan lembu/kerbau Malaysia.

#### **4.2 Kuantiti Pengeluaran**

Secara keseluruhannya, jumlah kuantiti pengeluaran ternakan bagi aktiviti lembu/kerbau pada tahun 2023 adalah sebanyak 313.6 ribu ekor dengan penternakan lembu mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 301.0 ribu ekor berbanding kerbau (12.6 ribu ekor). Kuantiti pengeluaran lembu mengatasi kerbau dengan sumbangan 96.0 peratus berbanding kerbau, 4.0 peratus.

Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan aktiviti ternakan lembu/kerbau teratas pada tahun 2023 sebanyak 55.5 ribu ekor atau 17.7 peratus kepada kuantiti pengeluaran ternakan lembu/kerbau Malaysia. Ini diikuti oleh Selangor, 49.2 ribu ekor (15.7%) dan Pahang, 42.9 ribu ekor (13.7%). Tiga negeri ini menyumbang 47.1 peratus kepada keseluruhan pengeluaran ternakan lembu/kerbau di Malaysia.

Daripada 313.6 ribu ekor, pegangan pertanian individu menyumbang 59.3 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri-negeri pengeluar utama ternakan lembu/kerbau pedaging menunjukkan Johor, 57.2 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dan 42.8 peratus pegangan pertanian pertubuhan, diikuti Selangor (70.6%; 29.4%) dan Pahang (84.4%; 15.6%).

#### **4.3 Kuantiti Jualan**

Ternakan lembu/kerbau yang dikeluarkan pada tahun 2023 sebahagian besarnya adalah bagi tujuan jualan. Kuantiti jualan ternakan lembu/kerbau adalah 82.9 peratus (260.0 ribu ekor) daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran dan selebihnya tidak dijual disebabkan oleh kerugian, digunakan untuk diproses dan kegunaan sendiri. Selari dengan pengeluaran di peringkat negeri, Johor merekodkan kuantiti jualan teratas dengan 46.9 ribu ekor, diikuti Terengganu, 37.3 ribu ekor dan Pahang, 36.9 ribu ekor. Peratusan kuantiti jualan berbanding kuantiti pengeluaran bagi Johor adalah 84.6 peratus, sementara itu Terengganu, 75.7 peratus dan Pahang, 86.0 peratus.

Daripada 260.0 ribu ekor, pegangan pertanian individu menyumbang 61.1 peratus kepada kuantiti jualan, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri-negeri pengeluar utama ternakan lembu/kerbau menunjukkan Johor, 61.6 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dan 38.4 peratus pegangan pertanian pertubuhan, diikuti Terengganu (84.8%; 15.2%) dan Pahang (83.3%; 16.7%).

#### **4.4 Nilai Jualan**

Nilai jualan ternakan lembu/kerbau pada tahun 2023 berjumlah RM1,378.1 juta dengan penternakan lembu mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,316.9 juta manakala ternakan kerbau, RM61.2 juta. Nilai jualan ternakan lembu/kerbau menyumbang 56.0 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan dan 7.5 peratus kepada nilai jualan ternakan. Negeri Johor mencatatkan nilai jualan teratas bagi ternakan lembu/kerbau iaitu RM265.6 juta, diikuti Terengganu, RM193.2 juta dan Selangor RM186.5 juta. Nilai jualan tiga negeri ini berjumlah RM645.2 juta iaitu 46.8 peratus daripada keseluruhan nilai jualan ternakan lembu/kerbau.



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# TERNAKAN KAMBING/BEBIRI PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023



JUMLAH



INDIVIDU



PERTUBUHAN

## BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT NEGERI

	Kambing	Bebiri
	744	100
	103	21

	Kambing	Bebiri
	247	25
	47	4

	Kambing	Bebiri
	316	2
	13	2

	Kambing	Bebiri
	1,328	171
	37	7

	Kambing	Bebiri
	743	49
	32	4

	Kambing	Bebiri
	141	22
	10	3

	Kambing	Bebiri
	2,040	933
	9	7

	Kambing	Bebiri
	289	35
	7	-

	Kambing	Bebiri
	141	22
	10	3

	Kambing	Bebiri
	356	55
	13	4

	Kambing	Bebiri
	665	92
	90	20


	Kambing	Bebiri
	1	-
	1	-

	Kambing	Bebiri
	336	151
	39	14

	Kambing	Bebiri
	2,686	299
	16	1

	Kambing	Bebiri
	-	-
	-	-

	Kambing	Bebiri
	1,109	235
	23	7



Individu  
Pertubuhan

Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 Oktober



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# TERNAKAN KAMBING/BEBIRI


## PARAMETER UTAMA, MALAYSIA, 2023



### PENGELUARAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

  58.3 ribu ekor  46.7 ribu ekor  RM43.24 juta	  13.0 ribu ekor  10.5 ribu ekor  RM9.80 juta	  6.9 ribu ekor  6.0 ribu ekor  RM7.83 juta
  25.3 ribu ekor  20.4 ribu ekor  RM18.74 juta	  17.9 ribu ekor  14.6 ribu ekor  RM13.24 juta	  4.0 ribu ekor  2.9 ribu ekor  RM3.39 juta
  47.4 ribu ekor  40.8 ribu ekor  RM29.23 juta	  4.3 ribu ekor  3.1 ribu ekor  RM2.29 juta	  23 ekor  10 ekor  RM9.40 ribu
  10.8 ribu ekor  7.8 ribu ekor  RM7.37 juta	  65.8 ribu ekor  54.3 ribu ekor  RM47.21 juta	  419 ekor  369 ekor  RM0.46 juta
  15.5 ribu ekor  12.6 ribu ekor  RM11.83 juta	  29.9 ribu ekor  24.3 ribu ekor  RM20.30 juta	  -  -  -
  20.3 ribu ekor  16.0 ribu ekor  RM16.79 juta		

- Kuantiti Pengeluaran
- Kuantiti Jualan
- Nilai Jualan



Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia




20 Oktober

## 5.0 PRESTASI KESELURUHAN AKTIVITI TERNAKAN KAMBING/BEBIRI

### 5.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian bagi pengusaha kambing/bebiri pada tahun 2023 adalah 13,714. Tiga negeri yang merekodkan pegangan bagi pengusaha ternakan kambing/bebiri teratas adalah Terengganu dengan 3,002 pegangan pertanian, diikuti Kelantan (2,989 pegangan pertanian) dan Kedah (1,543 pegangan pertanian). Negeri-negeri ini secara kumulatif menyumbang 54.9 peratus kepada pegangan pertanian Malaysia bagi aktiviti ternakan kambing/bebiri.

**Carta 8: Bilangan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Kambing/Bebiri, Malaysia, 2023**



**Carta 9: Peratusan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Kambing/Bebiri, Malaysia, 2023**



Nota: Hasil tambah pegangan pertanian di negeri dengan pegangan pertanian ternakan kambing/bebiri tidak sama disebabkan pegangan pertanian boleh mengusahakan lebih aktiviti dan di negeri yang berbeza

#### 5.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Seramai 13,179 orang menjalankan aktiviti ternakan kambing/bebiri pada tahun 2023. Terengganu merekodkan penglibatan individu tertinggi dalam aktiviti ternakan ini iaitu 2,985 orang. Ini diikuti oleh Kelantan (2,973 orang) dan Kedah (1,499 orang). Jumlah penglibatan individu di tiga negeri ini menyumbang 56.6 peratus kepada pegangan pertanian individu ternakan kambing/bebiri di negara ini.

#### 5.1.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan

Pada 2023, pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti ternakan kambing/bebiri adalah sebanyak 535 pertubuhan. Negeri Johor mempunyai bilangan pegangan pertanian pertubuhan teratas bagi aktiviti ternakan kambing/bebiri iaitu 124 pertubuhan diikuti oleh Selangor (110 pertubuhan) dan Negeri Sembilan (53 pertubuhan). Tiga negeri ini menyumbang 53.5 peratus daripada keseluruhan pertubuhan di Malaysia yang menjalankan aktiviti ternakan kambing/bebiri.

### **5.3 Kuantiti Pengeluaran**

Secara keseluruhannya, jumlah kuantiti pengeluaran ternakan bagi aktiviti kambing/bebiri pada tahun 2023 adalah 319.8 ribu ekor dengan penternakan kambing mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran 278.2 ribu ekor berbanding bebiri (41.6 ribu ekor). Kuantiti pengeluaran kambing menyumbang 87.0 peratus kepada kuantiti pengeluaran ternakan dalam kategori ini.

Negeri Selangor mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan aktiviti ternakan kambing/bebiri teratas pada tahun 2023 sebanyak 65.8 ribu ekor atau 20.6 peratus kepada pengeluaran ternakan kambing/bebiri Malaysia. Ini diikuti oleh Johor, 58.3 ribu ekor (18.2%) dan Kelantan, 47.4 ribu ekor (14.8%). Tiga negeri ini menyumbang 53.6 peratus kepada keseluruhan pengeluaran ternakan kambing/bebiri di Malaysia.

Daripada 319.8 ribu ekor, pegangan pertanian individu menyumbang 65.9 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Komposisi pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan bagi negeri-negeri pengeluar utama ternakan kambing/bebiri menunjukkan Selangor, 27.9 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dan 72.1 peratus pegangan pertanian pertubuhan, diikuti Johor (55.8%; 44.2%) dan Kelantan (89.6%; 10.4%).

### **5.4 Kuantiti Jualan**

Kuantiti jualan ternakan kambing/bebiri hanya melibatkan 81.4 peratus (260.5 ribu ekor) daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran. Selebihnya sama ada melibatkan kerugian, diproses atau kegunaan sendiri. Selangor merekodkan kuantiti jualan teratas dengan 54.3 ribu ekor, diikuti Johor, 46.7 ribu ekor dan Kelantan, 40.8 ribu ekor.

Daripada 260.5 ribu ekor, pegangan pertanian individu menyumbang 65.3 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Komposisi pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan bagi negeri-negeri pengeluar utama ternakan kambing/bebiri menunjukkan Selangor, 26.2 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dan 73.8 peratus pegangan pertanian pertubuhan, diikuti Johor (8.2%; 41.8%) dan Kelantan (91.1%; 8.9%).

## **5.5 Nilai Jualan**

Nilai jualan ternakan kambing/bebiri pada tahun 2023 berjumlah RM231.8 juta dengan penternakan kambing mencatatkan nilai jualan sebanyak RM201.8 juta manakala ternakan bebiri, RM29.9 juta. Nilai jualan ternakan kambing/bebiri menyumbang 0.9 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan dan 1.3 peratus kepada nilai jualan ternakan. Negeri Selangor mencatatkan nilai jualan teratas bagi ternakan kambing/bebiri iaitu RM47.2 juta, diikuti Johor, RM43.2 juta dan Kelantan RM29.2 juta. Nilai jualan tiga negeri ini berjumlah RM119.6 juta iaitu 51.6 peratus daripada keseluruhan nilai jualan ternakan kambing/bebiri.



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


# TERNAKAN BABI PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023



JUMLAH



INDIVIDU



PERTUBUHAN

## BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT NEGERI



Individu  
Pertumbuhan

Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 Oktober

2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# TERNAKAN BABI


## PARAMETER UTAMA, MALAYSIA, 2023



### PENGELUARAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

	211.1 ribu ekor 182.4 ribu ekor RM224.90 juta		235.0 ribu ekor 217.7 ribu ekor RM310.69 juta		79.4 ribu ekor 79.3 ribu ekor RM92.86 juta
	792 ekor 286 ekor RM0.54 juta		751.8 ribu ekor 633.6 ribu ekor RM818.21 juta		281.1 ribu ekor 249.4 ribu ekor RM324.44 juta
	- - -		- - -		- - -
	- - -		211.7 ribu ekor 201.0 ribu ekor RM300.61 juta		- - -
	2.4 ribu ekor 1.3 ribu ekor RM3.65 juta		4 ekor 4 ekor RM1,600		- - -
	- - -				

Kuantiti Pengeluaran  
 Kuantiti Jualan  
 Nilai Jualan



Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia




20 Oktober

## 6.0 PRESTASI KESELURUHAN AKTIVITI TERNAKAN BABI

### 6.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian bagi aktiviti ternakan babi pada tahun 2023 adalah 837. Tiga negeri yang merekodkan pegangan pertanian tertinggi bagi ternakan babi adalah Sarawak dengan 426 pegangan pertanian, diikuti Selangor (106 pegangan pertanian) dan Pulau Pinang (98 pegangan pertanian). Penglibatan pegangan pertanian di tiga negeri adalah 75.3 peratus daripada jumlah pertubuhan dan individu yang terlibat dalam aktiviti ini.

**Carta 10: Bilangan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Babi, Malaysia, 2023**



**Carta 11: Peratusan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Babi, Malaysia, 2023**



Nota: Hasil tambah pegangan pertanian di negeri dengan pegangan pertanian ternakan babi tidak sama disebabkan pegangan pertanian boleh mengusahakan lebih aktiviti dan di negeri yang berbeza

#### 6.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Individu yang mengusahakan penternakan babi pada tahun 2023 berjumlah 566 orang. Negeri yang merekodkan penglibatan tertinggi adalah Sarawak iaitu 408 orang, diikuti oleh Sabah (69 orang) dan Selangor (69 orang). Tiga negeri ini secara kumulatif menyumbang 96.5 peratus kepada jumlah individu yang terlibat dalam ternakan ini.

#### 6.1.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan

Pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dalam ternakan babi adalah sebanyak 271 pertubuhan pada tahun 2023. Negeri Pulau Pinang mempunyai bilangan pertubuhan tertinggi iaitu 88 pertubuhan. Ini diikuti oleh Perak (83) dan Selangor (37). Negeri-negeri ini menyumbang 76.8 peratus daripada keseluruhan pertubuhan yang menjalankan penternakan babi di Malaysia.

## **6.2 Kuantiti Pengeluaran**

Secara keseluruhan, jumlah kuantiti pengeluaran bagi ternakan babi pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,773.2 ribu ekor. Perak mencatatkan kuantiti pengeluaran ternakan babi teratas iaitu 751.8 ribu ekor atau 42.4 peratus kepada keseluruhan pengeluaran babi di Malaysia. Ini diikuti Sarawak, 281.1 ribu ekor (15.9%) dan Pulau Pinang, 235.0 ribu ekor (13.3%). Tiga negeri ini telah menyumbang 71.5 peratus kepada keseluruhan pengeluaran babi di Malaysia.

Daripada 1,773.2 ribu ekor, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 92.6 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh individu. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri pengeluar ternakan babi menunjukkan Perak, 99.99 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 0.01 peratus oleh individu, diikuti Sarawak (98.5%; 1.5%) dan Pulau Pinang (97.8%; 2.2%).

## **6.3 Kuantiti Jualan**

Kuantiti jualan ternakan babi adalah 88.3 peratus (1,564.9 ribu ekor) daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran, manakala 11.7 peratus lagi ternakan ini tidak dijual disebabkan oleh kerugian, diproses menjadi daging babi/produk keluaran daging babi atau untuk kegunaan sendiri. Negeri Perak merekodkan kuantiti jualan teratas dengan 633.6 ribu ekor, diikuti Sarawak, 249.4 ribu ekor dan Pulau Pinang, 217.7 ribu ekor. Tiga negeri ini menyumbang 70.3 peratus daripada kuantiti ternakan babi yang dijual sebagai ternakan hidup.

Daripada 1,564.9 ribu ekor, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 91.8 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri-negeri pengeluar utama ternakan babi menunjukkan Perak, 99.99 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan, manakala 0.01 peratus oleh pegangan pertanian individu, manakala Sarawak (98.8%; 1.2%) dan Pulau Pinang (98.5%; 1.5%).

## **6.4 Nilai Jualan**

Nilai jualan ternakan babi pada tahun 2023 adalah sebanyak RM2,075.9 juta. Nilai jualan ini menyumbang 8.4 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan dan 11.3 peratus kepada nilai jualan ternakan. Negeri Perak mencatatkan nilai jualan teratas iaitu RM818.2 juta, diikuti Sarawak, RM324.4 juta dan Pulau Pinang, RM310.7 juta. Nilai jualan tiga negeri ini berjumlah RM1,453.3 juta iaitu 70.0 peratus daripada nilai jualan keseluruhan ternakan babi.



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# TERNAKAN AYAM/ITIK PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023



JUMLAH



INDIVIDU



PERTUBUHAN

## BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT NEGERI

	Ayam	Itik
	343 207	41 10
	188 84	73 2

	Ayam	Itik
	58 37	20 10
	400 130	74 15

	Ayam	Itik
	533 35	28 3
	583 78	208 8

	Ayam	Itik
	1,305 13	390 1
	210 41	107 1


	Ayam	Itik
	71 9	45 -
	321 74	59 6

	Ayam	Itik
	2 -	2 -
	24 4	2 -

	Ayam	Itik
	331 139	91 14
	237 126	31 2

	Ayam	Itik
	1,631 118	327 3
	- -	- -

	Ayam	Itik
	- -	- -
	- -	- -



Individu  
Pertubuhan

Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia

ASEAN  
MALAYSIA 2025  
KETERANGKUMAN DAN KEMARSHAN

ODIN  
OPEN DATA INVENTORY  
MALAYSIA  
TEMAT PERLAUTAN  
DI DUNIA  
MALAYSIA MADANI  
keseliheraan

ODIN  
OPEN DATA INVENTORY  
MALAYSIA  
TEMAT PERLAUTAN  
DI DUNIA

SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS  
2016 - 2030  
20 Oktober  
PERMATA NEGARA FOUNDATION



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# TERNAKAN AYAM/ITIK


## PARAMETER UTAMA, MALAYSIA, 2023



### PENGELUARAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

  231,017.6 ribu ekor  204,649.2 ribu ekor  RM2,971.24 juta	  68,430.8 ribu ekor  67,406.8 ribu ekor  RM909.66 juta	  81,196.3 ribu ekor  73,837.3 ribu ekor  RM1,118.45 juta
  97,494.7 ribu ekor  96,492.7 ribu ekor  RM1,333.76 juta	  181,780.5 ribu ekor  172,232.9 ribu ekor  RM2,780.27 juta	  24,775.1 ribu ekor  9,080.5 ribu ekor  RM126.47 juta
  13,303.0 ribu ekor  12,815.5 ribu ekor  RM168.72 juta	  7,744.7 ribu ekor  7,681.3 ribu ekor  RM100.20 juta	  243 ekor  200 ekor  RM8,152
  29,428.2 ribu ekor  21,738.5 ribu ekor  RM319.61 juta	  76,985.8 ribu ekor  73,654.6 ribu ekor  RM1,089.14 juta	  221.9 ribu ekor  41.3 ribu ekor  RM0.83 juta
  119,951.6 ribu ekor  106,935.1 ribu ekor  RM1,436.50 juta	  13,302.4 ribu ekor  12,546.4 ribu ekor  RM167.62 juta	  -  -  -
  57,230.4 ribu ekor  56,008.5 ribu ekor  RM787.55 juta		

Kuantiti Pengeluaran  
 Kuantiti Jualan  
 Nilai Jualan



Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia

ASEAN  
MALAYSIA 2025  
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPUAN

ODIN  
OPEN DATA INVENTORY  
MALAYSIA  
TEMPAT PERLAUTAN  
DI DUNIA


REACHING  
SUSTAINABLE  
GOALS  
NATION  
20 Oktober  
2016 - 2030

## 7.0 PRESTASI KESELURUHAN AKTIVITI TERNAKAN AYAM/ITIK

### 7.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian yang menjalankan aktiviti ternakan ayam/itik pada tahun 2023 adalah 8,882. Tiga negeri yang merekodkan pegangan pertanian aktiviti ternakan ayam/itik teratas adalah Terengganu dengan 2,079 pegangan pertanian, diikuti Kelantan (1,709 pegangan pertanian) dan Sarawak (877 pegangan pertanian). Negeri-negeri ini menyumbang 52.4 peratus pegangan pertanian aktiviti ternakan ayam/itik Malaysia.

**Carta 12: Bilangan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Ayam/Itik, Malaysia, 2023**      **Carta 13: Peratusan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Ayam/Itik, Malaysia, 2023**



Nota: Hasil tambah pegangan pertanian di negeri dengan pegangan pertanian ternakan ayam/itik tidak sama disebabkan pegangan pertanian boleh mengusahakan lebih aktiviti dan di negeri yang berbeza

#### 7.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Seramai 7,734 orang menjalankan aktiviti ternakan ayam/itik pada tahun 2023. Negeri Terengganu merekodkan penglibatan individu yang tertinggi dalam ternakan ayam/itik iaitu 1,958 orang, diikuti oleh Kelantan (1,695 orang) dan Sarawak (791 orang). Penglibatan individu di tiga negeri ini dalam penternakan ayam/itik adalah seramai 4,444 orang atau 57.5 peratus.

#### 7.1.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan

Pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti ternakan ayam/itik pada tahun 2023 adalah 1,148 pertubuhan. Negeri Johor mempunyai bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi dalam ternakan ayam/itik iaitu 217 diikuti Negeri Sembilan (153 pertubuhan) dan Perak (145 pertubuhan). Negeri-negeri ini menyumbang 44.0 peratus bilangan pertubuhan yang terlibat dalam ternakan ini.

## **7.2 Kuantiti Pengeluaran**

Secara keseluruhannya, jumlah kuantiti pengeluaran ternakan bagi aktiviti ayam/itik yang direkodkan dalam Banci Pertanian 2024 adalah 1,002.9 juta ekor dengan penternakan ayam mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran 968.6 juta ekor berbanding itik (34.3 juta ekor). Kuantiti pengeluaran ayam merangkumi 96.6 peratus daripada keseluruhan pengeluaran ayam/itik.

Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran keseluruhan aktiviti ternakan ayam/itik teratas pada tahun 2023 iaitu 231.0 juta ekor atau 23.0 peratus kepada pengeluaran ternakan ayam/itik Malaysia. Ini diikuti oleh Perak, 181.8 juta ekor (18.1%) dan Negeri Sembilan, 120.0 juta ekor (12.0%). Tiga negeri ini menyumbang 53.1 peratus kepada keseluruhan pengeluaran ternakan ayam/itik di Malaysia.

Daripada 1,002.9 juta ekor, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 98.3 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Komposisi kuantiti pengeluaran pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu untuk aktiviti ternakan ini oleh negeri-negeri pengeluar utama ternakan ayam/itik pedaging menunjukkan Johor, 98.6 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 1.4 peratus pegangan pertanian individu, diikuti Perak (99.4%; 0.6%) dan Negeri Sembilan (98.1%; 1.9%).

## **7.3 Kuantiti Jualan**

Kuantiti jualan ternakan ayam/itik adalah 915.1 juta ekor (91.3%) daripada jumlah kuantiti pengeluaran. Trend kuantiti jualan teratas mengikut negeri adalah selari dengan kuantiti pengeluaran ternakan ini yang mana Johor merekodkan kuantiti jualan teratas dengan 204.6 juta ekor, diikuti Perak, 172.2 juta ekor dan Negeri Sembilan, 106.9 juta ekor. Tiga negeri pengeluar utama ternakan ayam/itik menyumbang 52.9 peratus kepada jumlah kuantiti jualan aktiviti ini.

Daripada 915.1 juta ekor jualan ternakan ayam/itik, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 98.3 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pegangan individu. Komposisi kuantiti jualan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri-negeri pengeluar utama ternakan ayam/itik menunjukkan Johor, 98.6 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 1.4 peratus pegangan pertanian individu, diikuti Perak (99.4%; 0.6%) dan Negeri Sembilan (98.0%; 2.0%).

#### **7.4 Nilai Jualan**

Nilai jualan ternakan ayam/itik pada tahun 2023 berjumlah RM13,310.0 juta dengan penternakan ayam mencatatkan nilai jualan sebanyak RM12,197.3 juta dan ternakan itik, RM1,112.7 juta. Nilai jualan ternakan ayam/itik menyumbang 53.6 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan dan 72.2 peratus kepada nilai jualan ternakan. Negeri Johor mencatatkan nilai jualan teratas bagi ternakan ayam/itik iaitu RM2,971.2 juta, diikuti Perak, RM2,780.3 juta dan Negeri Sembilan, RM1,436.5 juta. Nilai jualan tiga negeri ini berjumlah RM7,188.0 juta iaitu 54.0 peratus daripada keseluruhan nilai jualan ternakan ayam/itik.




KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


# HASILAN TERNAKAN TELUR AYAM/ITIK PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023



JUMLAH




INDIVIDU



PERTUBUHAN

## BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT NEGERI



Individu  
Pertumbuhan

Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia

ASEAN  
MALAYSIA 2025  
KETERANGKUMAN DAN KEMARSHAN

ODIN  
OPEN DATA INVENTORY  
MALAYSIA  
TERAMPAT PERLAUTAN  
DI DUNIA  
MALAYSIA MADANI  
keseliherteraan

SDG  
SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS  
MALAYSIA  
2016 - 2030

HANTARJAYA NEGARA  
20 Oktober  
2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# HASILAN TERNAKAN TELUR AYAM/ITIK

## PARAMETER UTAMA, MALAYSIA, 2023




## PENGELUARAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

  2,961,474.9 ribu biji  2,531,618.8 ribu biji  RM938.88 juta	  194,666.1 ribu biji  187,020.2 ribu biji  RM80.20 juta	  1,213,582.9 ribu biji  1,203,830.1 ribu biji  RM525.53 juta
  309,533.6 ribu biji  306,692.1 ribu biji  RM123.48 juta	  1,010,362.9 ribu biji  992,310.1 ribu biji  RM386.19 juta	  392,065.5 ribu biji  390,225.1 ribu biji  RM183.82 juta
  1,883.7 ribu biji  1,512.0 ribu biji  RM1.01 juta	  57.1 ribu biji  52.6 ribu biji  RM0.03 juta	  16.3 ribu biji  15.4 ribu biji  RM0.01 juta
  3,156,194.0 ribu biji  3,139,052.9 ribu biji  RM1,273.43 juta	  3,623,383.2 ribu biji  3,544,821.3 ribu biji  RM1,472.31 juta	  1,075.0 ribu biji  882.5 ribu biji  RM0.52 juta
  1,382,113.5 ribu biji  1,174,230.0 ribu biji  RM467.91 juta	  4,847.7 ribu biji  3,868.8 ribu biji  RM2.95 juta	  -  -  -
  495,691.1 ribu biji  462,091.9 ribu biji  RM159.18 juta		

**Kuantiti Pengeluaran**

**Kuantiti Jualan**

**Nilai Jualan**



Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 Oktober


2016 - 2030

## 8.0 PRESTASI KESELURUHAN AKTIVITI PENGELUARAN TELUR AYAM/ITIK

### 8.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian bagi pengusaha telur ayam/itik pada 2023 adalah 1,590. Tiga negeri yang merekodkan pegangan pertanian bagi pengusaha telur ayam/itik teratas adalah Terengganu dengan 364 pegangan pertanian, diikuti Kelantan (194) dan Sabah (167). Negeri-negeri ini menyumbang 45.5 peratus pegangan pertanian yang terlibat dalam pengeluaran telur ayam/itik Malaysia.

**Carta 14: Bilangan Pegangan Pertanian bagi Pengeluaran Telur Ayam/Itik ,**



**Carta 15: Peratusan Pegangan Pertanian bagi Pengeluaran Telur Ayam/Itik , Malaysia, 2023**



Nota: Hasil tambah pegangan pertanian di negeri dengan pegangan pertanian bagi hasilan ternakan tidak sama disebabkan pegangan pertanian boleh mengusahakan lebih aktiviti dan di negeri yang berbeza

#### 8.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Seramai 1,379 individu menjalankan penternakan ayam/itik penelur untuk pengeluaran telur ayam/itik pada tahun 2023. Negeri yang merekodkan bilangan tertinggi individu yang menjalankan aktiviti ini ialah Terengganu iaitu 361 orang, diikuti oleh Kelantan (192 orang) dan Sabah (145 orang). Negeri-negeri ini secara kumulatif menyumbang 50.6 peratus daripada mereka yang terlibat dalam pengeluaran telur ayam/itik negara.

#### 8.1.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan

Pada 2023, pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dalam penternakan ayam/itik penelur bagi pengeluaran telur ayam/itik adalah 214 dengan Johor merekodkan bilangan pertubuhan tertinggi iaitu 36 pertubuhan. Ini diikuti Perak (34 pertubuhan) dan Sabah (28 pertubuhan). Tiga negeri ini menyumbangkan 45.8 peratus daripada pertubuhan yang terlibat dalam pengeluaran telur ayam/itik Malaysia.

## **8.2 Kuantiti Pengeluaran**

Jumlah kuantiti pengeluaran telur ayam/itik pada tahun 2023 adalah 14,746.9 juta biji. Selangor mencatatkan kuantiti pengeluaran telur ayam/itik teratas iaitu 3,623.4 juta biji atau 24.6 peratus kepada keseluruhan pengeluaran telur ayam/itik di Malaysia. Ini diikuti Melaka, 3,156.2 juta biji (21.4%) dan Johor, 2,961.5 juta biji (20.1%). Tiga negeri ini menyumbang 66.1 peratus kepada keseluruhan pengeluaran telur ayam/itik.

Daripada 14,746.9 juta biji telur ayam/itik yang dikeluarkan, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 95.7 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri pengeluar utama telur ayam/itik menunjukkan Selangor, 99.9 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 0.1 peratus pegangan pertanian individu, diikuti Melaka (84.1%; 15.9%) dan Johor (99.6%; 0.4%).

## **8.3 Kuantiti Jualan**

Kuantiti telur ayam/itik yang dijual pada tahun 2023 adalah 13,938.2 juta biji (94.5%) daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran. Negeri Selangor merekodkan kuantiti jualan telur ayam/itik teratas dengan 3,544.8 juta biji, diikuti Melaka, 3,139.1 juta biji dan Johor, 2,531.6 juta biji. Sebanyak 66.1 peratus telur ayam/itik yang dijual adalah daripada tiga negeri ini.

Daripada 13,938.2 juta biji telur, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 95.4 peratus, manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri pengeluar utama telur ayam/itik menunjukkan Selangor, 99.96 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian perubuhan, manakala 0.1% pegangan pertanian individu, diikuti Melaka (84.1%; 15.9%) dan Johor (99.5%; 0.5%).

## **8.4 Nilai Jualan**

Nilai jualan telur ayam/itik pada tahun 2023 berjumlah RM5,615.5 juta. Nilai jualan ini menyumbang 22.6 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan dan 87.9 peratus kepada nilai jualan hasilan ternakan. Negeri Selangor mencatatkan nilai jualan teratas penghasilan telur ayam/itik iaitu RM1,472.3 juta, diikuti Melaka, RM1,273.4 juta dan Johor, RM938.9 juta. Nilai jualan tiga negeri ini berjumlah RM3,684.6 juta iaitu 65.6 peratus daripada nilai jualan keseluruhan telur ayam/itik.



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


# HASILAN TERNAKAN SUSU SEGAR PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023



JUMLAH




INDIVIDU



PERTUBUHAN

## BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT NEGERI



Individu  
Pertubuhan

Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia

ASEAN  
MALAYSIA 2025  
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPUAN

ODIN  
OPEN DATA INVENTORY  
MALAYSIA  
TERBAIK PERLAUT  
DI DUNIA  
ODIN  
OPEN DATA  
INVENTORY  
MALAYSIA  
TERBAIK PERLAUT  
DI DUNIA

20 Oktober  
 2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


# HASILAN TERNAKAN SUSU SEGAR PARAMETER UTAMA, MALAYSIA, 2023



## PENGELUARAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

  8,021.2 ribu liter  7,738.6 ribu liter  RM37.09 juta	  292.1 ribu liter  285.1 ribu liter  RM1.02 juta	  8,907.0 ribu liter  8,894.6 ribu liter  RM27.40 juta
  831.0 ribu liter  786.9 ribu liter  RM3.65 juta	  7,791.8 ribu liter  7,719.9 ribu liter  RM39.25 juta	  1,023.5 ribu liter  843.5 ribu liter  RM8.45 juta
  615.4 ribu liter  549.1 ribu liter  RM1.83 juta	  5.4 ribu liter  5.2 ribu liter  RM0.01 juta	  200 liter  180 liter  RM3,600
  1,954.5 ribu liter  1,949.6 ribu liter  RM6.57 juta	  5,071.7 ribu liter  4,975.6 ribu liter  RM20.67 juta	  52.4 ribu liter  47.1 ribu liter  RM0.55 juta
  3,141.8 ribu liter  3,057.4 ribu liter  RM14.98 juta	  703.6 ribu liter  687.7 ribu liter  RM2.12 juta	  -  -  -
  9,046.0 ribu liter  8,999.8 ribu liter  RM47.25 juta		

- Kuantiti Pengeluaran
- Kuantiti Jualan
- Nilai Jualan



Nota: merujuk kepada lokasi ternakan

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 Oktober


2016 - 2030

## 9.0 PRESTASI KESELURUHAN PENGETAHUAN SUSU SEGAR

### 9.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian bagi aktiviti penternakan lembu/kerbau/kambing tenusu pada 2023 adalah 449. Tiga negeri yang merekodkan pegangan pertanian bagi pengusaha lembu/kerbau/kambing tenusu teratas adalah Selangor dengan 78 pegangan pertanian, diikuti Johor (62) dan Perak (44). Negeri-negeri ini membentuk 40.8 peratus pegangan pertanian yang terlibat dengan pengeluaran susu segar.

**Carta 16 : Bilangan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Lembu/Kerbau/Kambing Tenusu, Malaysia, 2023**



**Carta 17 : Peratusan Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Ternakan Lembu/Kerbau/Kambing Tenusu, Malaysia, 2023**



Nota: Hasil tambah pegangan pertanian di negeri dengan pegangan pertanian bagi hasilan ternakan tidak sama disebabkan pegangan pertanian boleh mengusahakan lebih aktiviti dan di negeri yang berbeza

#### 9.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Individu yang menjalankan aktiviti ternakan lembu/kerbau/kambing tenusu bagi pengeluaran susu segar pada tahun 2023 adalah berjumlah 326 orang. Negeri yang merekodkan penglibatan teratas adalah Selangor iaitu 55 orang, diikuti oleh Johor (38 orang) dan Terengganu (37 orang). Penglibatan individu di tiga negeri ini dalam aktiviti penghasilan susu segar adalah 39.9 peratus daripada keseluruhan individu yang menghasilkan susu segar untuk tujuan jualan. Individu menyumbang 72.6 peratus daripada pegangan pertanian yang menjalankan aktiviti pengeluaran susu segar.

#### 9.1.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan

Pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti penternakan lembu/kerbau/kambing tenusu adalah sebanyak 123. Pertubuhan mewakili 27.4 peratus pegangan pertanian yang terlibat bagi penternakan untuk tujuan penghasilan susu segar. Negeri Johor merekodkan bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi iaitu 24 pertubuhan, dan diikuti oleh Selangor (23 pertubuhan) dan Perak

(16 pertubuhan). Penglibatan pertubuhan dalam aktiviti ini mewakili 50.4 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian untuk penghasilan susu segar.

### **9.2 Kuantiti Pengeluaran**

Secara keseluruhan, jumlah kuantiti pengeluaran bagi susu segar pada tahun 2023 adalah sebanyak 47.5 juta liter. Negeri Pahang mencatatkan kuantiti pengeluaran susu segar teratas iaitu 9.0 juta liter atau 19.1 peratus kepada keseluruhan pengeluaran susu segar di Malaysia. Ini diikuti Sabah, 8.9 juta liter (18.8%) dan Johor, 8.0 juta liter (16.9%). Tiga negeri ini telah menyumbang 54.7 peratus kepada keseluruhan pengeluaran susu segar di Malaysia.

Daripada 47.5 juta liter susu segar, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 87.6 peratus manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri pengeluar utama susu segar menunjukkan Johor, 95.1 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 2.3 peratus pegangan pertanian individu, diikuti Sabah (97.4%; 2.6%) dan Johor (86.3%; 13.7%).

### **9.3 Kuantiti Jualan**

Penjualan susu segar berjumlah 46.5 juta liter atau 98.7 peratus daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran pada tahun 2023. Negeri Pahang merekodkan kuantiti jualan teratas dengan 9.0 juta liter, diikuti Sabah sebanyak 8.9 juta liter dan Johor, 7.7 juta liter. Tiga negeri ini menyumbang 55.1 peratus daripada keseluruhan susu segar yang dijual.

Daripada 46.5 juta liter susu segar, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 88.3 peratus manakala selebihnya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Komposisi pegangan pertanian pertubuhan dan pegangan pertanian individu bagi negeri pengeluar utama susu segar menunjukkan Pahang, 97.8 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan manakala 2.2 peratus oleh pegangan pertanian individu, diikuti Sabah (97.4%; 2.6%) dan Johor (88.3%; 11.7%).

### **9.4 Nilai Jualan**

Nilai jualan susu segar pada tahun 2023 berjumlah RM210.9 juta. Nilai jualan ini menyumbang 0.8 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan dan 3.3 peratus kepada nilai jualan hasilan ternakan. Negeri Pahang mencatatkan nilai jualan teratas penghasilan susu segar iaitu RM47.2 juta, diikuti Perak, RM39.3 juta dan Johor, RM37.1 juta. Nilai jualan tiga negeri ini berjumlah RM123.6 juta iaitu 58.6 peratus daripada nilai jualan keseluruhan susu segar.

## Rumput Napier: Pemangkin Produktiviti Ternakan di Malaysia

